

Rebat prabayar setahun

» *Bayaran di kedai mulai 1 Januari 2016*

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Syarikat telekomunikasi di negara ini akan memberikan rebat kepada pelanggan prabayar individu warga negara Malaysia, selama satu tahun sepanjang 2016 bermula Januari ini.

Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM) dalam satu kenyataan semalam berkata, langkah itu adalah selaras dengan pengumuman kerajaan ketika Bajet 2016 pada Oktober,

Katanya, rebat yang bersamaan dengan jumlah Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan dikreditkan terus ke dalam akaun prabayar berkuat kuasa 1 Januari hingga 31 Disember 2016.

“Ini bermakna pelanggan yang menambah nilai RM10,



Pemberian rebat selaras dengan pengumuman kerajaan ketika Bajet 2016 pada Oktober lalu.

[FOTO HIASAN]

pada mulanya akan mendapat kredit sebanyak RM9.43, di mana GST (enam peratus) akan ditolak daripada tambah nilai berkenaan.

“Pelanggan akan menerima rebat sebanyak 57 sen dalam tempoh 24 jam.

GST yang dibayar pelanggan akan dikumpul dan dibayar kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia, selaras dengan Undang-Undang dan garis pan-

duan percukaian itu bagi semua barangan dan perkhidmatan yang digunakan,” katanya.

Pastikan proses lancar

CFM berkata, syarikat telekomunikasi berusaha memastikan proses peralihan berjalan lancar supaya pelanggan tidak menghadapi masalah apabila membuat tambah nilai.

“Syarikat telekomunikasi ju-

ga sudah dan akan melabur secara berterusan dalam menaikkan taraf rangkaian bagi memastikan pelanggan memperoleh pengalaman yang berkualiti,” katanya.

Sebagai rujukan, soalan lazim (FAQ) mengenai rebat GST boleh didapati di laman CFM di <http://cfm.org.my/ms/news-events/20151228/faq-mekanisme-pelaksanaan-gst-untukprabayar-bagi-2016>.